



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	10/1/2011

Bukti transformasi politik Najib

Perdekatan bersemuka dengan Ahli Parlimen untuk pastikan masalah rakyat selesai

Oleh Shaarani Ismail
shaarani@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Penganalisis politik berpendapat pendekatan Datuk Seri Najib Razak menemui setiap wakil rakyat Barisan Nasional (BN) secara bersemuka, kelmari, menunjukkan keseriusan Perdana Menteri melaksanakan transformasi politik dalam pentadbirannya.

Malah, kaedah yang digunakan itu juga dilihat lebih berstruktur dan mempunyai hala tuju dalam memastikan setiap perancangan dilaksanakan mengikut aturan dan tempoh masa yang dirancang.

Pensyarah Sains Politik, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Shamsul Adabi Mamat, berkata pertemuan secara bertentang mata dengan Ahli Parlimen BN adalah langkah berstruktur

dalam mencapai matlamat 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

"Pertemuan itu bagi memastikan setiap kawasan yang diwakili BN melaksanakan setiap manifesto dan janji yang dibuat pada pilihan raya terdahulu.

"Setiap yang dilakukan ada struktur pelaksanaan bermula dari MEB (Model Ekonomi Baru), RMK-11 (Rancangan Malaysia ke-11), NKRA (Bidang Keberhasilan Utama Negara) dan NKEA (Bidang Ekonomi Utama Negara) selain Kongres BN," katanya ketika dihubungi semalam.

Pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr Sivamurugan Pandian, berkata kaedah diguna Najib adalah pendekatan terbaik untuk mempererat hubungan sesama pemimpin, supaya pemimpin atasan tahu kedudukan sebenar di bawah, selain mengukur prestasi setiap Ahli Parlimen BN

Katanya, pendekatan seumpama itu sebenarnya akan berupaya memenuhi keperluan dan tuntutan masyarakat setempat kerana pada pilihan raya umum datang, penilaian masyarakat akan lebih menjurus kepada persoalan sejauh mana wakil rakyat berjaya menunaikan janji mereka.

"Saya rasakan ini lebih bersifat inklusif dan jelas memperlihatkan Perdana

"Pertemuan itu bagi memastikan setiap kawasan diwakili BN melaksanakan setiap manifesto dan janji yang dibuat pada pilihan raya terdahulu"

Prof Dr Shamsul
Adabi Mamat
Pensyarah UKM

Menteri benar-benar komited serta bertanggungjawab dalam memastikan setiap apa yang dilakukan kerajaan adalah untuk rakyat.

"Bagi Ahli Parlimen itu sendiri, pertemuan dengan Najib boleh digunakan untuk menyampaikan keperluan rakyat dan tuntutan masyarakat setempat untuk ditunaikan," katanya.

Ditanya sama ada pendekatan itu sebahagian usaha

"Saya rasakan ini lebih bersifat inklusif dan jelas memperlihatkan PM komited dalam memastikan setiap yang dilakukan untuk rakyat"

Prof Madya Dr
Sivamurugan Pandian
Pensyarah USM

awal kerajaan memperkuatkan jentera BN menjelang pilihan raya umum akan datang, Sivamurugan berkata dari segi penyusunan program ia boleh diangap sebagai persediaan awal menghadapi pilihan raya kerana setiap program kini dilihat sudah disusun dan diatur dengan begitu kemas.

"Bagaimanapun, persediaan awal tidak bermakna pilihan raya akan diadakan awal, barangkali dalam tempoh enam bulan pertama Najib akan melihat terlebih dulu tuntutan dan masalah yang perlu diatasi di setiap kawasan.

"Mungkin selepas itu beliau akan bertemu ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri), ketua bahagian UMNO disusuli latihan kepimpinan selain pertemuan dengan parti komponen yang mungkin petanda pilihan raya umum sudah hampir," katanya.